

# UMP dilantik Universiti Fokal program PLKI

BH Selasa, 8 Ogos 2017

wilayah m.s 31

[FOTO IHSAN UMP]



**Daing Nasir (tengah)** bergambar bersama wakil universiti dan institusi kemahiran selepas Taklimat Program Latihan Kemahiran Industri Rangkaian Rel Pantai Timur di Gambang, semalam.

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) dilantik Universiti Fokal bagi Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) seterusnya menyokong kepada agenda kebolehpasaran graduan institut pengajian tinggi (IPT).

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata tujuan program itu juga bagi menyediakan serta meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diserap bekerja dalam industri kereta api di bawah Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

## 3,600 pelajar dalam 7 tahun

Beliau berkata, pihaknya akan melatih 3,600 pelajar mengikuti program berkenaan bagi tempoh tujuh tahun dan pada peringkat awal seramai 300 tempat ditawarkan kepada lepasan universiti yang mempunyai lulusan dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik.

"Mereka yang layak bakal dita-

warkan pekerjaan dan akan mengikuti program PLKI mulai bulan hadapan (September) bagi memantapkan pengetahuan dalam bidang teknologi kereta api ini.

"Bilangan pelatih PLKI ECRL akan meningkat mulai Disember 2017 dengan pengambilan kedua seramai 250 graduan dengan jumlah sasaran 700 bakal dilatih sehingga akhir 2018 pada peringkat sijil, diploma dan ijazah," katanya ditemui pada taklimat PLKI ECRL, di Kampus Gambang, di sini, semalam.

Daing Nasir berkata, kepakaran dan pengalaman UMP dan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia dalam bidang teknikal ini begitu relevan dalam menyumbang kelancaran dan kebolehpasaran matlamat bagi merealisasikan projek mega berkenaan.

"Pertumbuhan sektor pembudayaan dan industri masa kini memerlukan ramai tenaga pakar dan berkemahiran pelbagai bidang," katanya.